

PERIBAHASA

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang **paling sesuai**.

- 1 Nenek Sunarti tidak pernah membaca sebarang surat khabar ataupun majalah kerana dia _____.
A buta hati
B buta huruf
C buta kayu
D buta gaji

- 2 Tan Lean Keong tidak mempunyai kakak dan adik. Oleh sebab itu dia dianggap _____.
A anak buah
B anak emas
C anak tunggal
D anak bongsu

- 3 Semasa menaiki pesawat ke Kota Kinabalu, adik tidak henti-henti berbual kerana adik _____.
A otak cair
B otak udang
C mulut murai
D mulut tempayan

- 4 Kunding mengambil sekeping roti berkrim sebagai _____ sebelum pergi ke sekolah.
A alas perut
B ikat perut
C perut busuk
D perut kosong

- 5 Kesemua _____ Tuan Haji Azhar dan Puan Hajah Azilah sudah mendirikan rumah tangga.
A anak tut
B anak tiri
C anak bini
D anak beranak

- 6 Azizi dan anak-anaknya _____ kerana sebaik sahaja mereka sampai jamuan mula dihidang.
- A langkah kanan
 - B langkah bendul
 - C langkah seribu
 - D langkah kiri
- 7 Puan Basrah masih _____ meneruskan perniagaan suaminya walaupun tidak mendapat sokongan daripada anak-anaknya.
- A geli hati
 - B makan hati
 - C cecal hati
 - D isi hati
- 8 Semua barang itu dijual dengan _____ dalam Pameran Jom Heboh.
- A harga diri
 - B harga mati
 - C tanda mata
 - D tanda harga
- 9 Yoke Lan _____ sehingga dia tidak menyedari bilik tidurnya telah dicerobohi pencuri.
- A pekak badak
 - B lepas tangan
 - C makan hati
 - D tidur mati
- 10 Pengadil bola sepak antara sekolah saya dengan sekolah jiran dicaci oleh para penonton kerana _____ semasa mengadili perlawanan tersebut.
- A banyak mulut
 - B berat sebelah
 - C angkat kaki
 - D lepas tangan

- 11 Keadaan Aliff Imran _____ menyebabkan dia tidak mahu menyertai perlumbaan jalan kaki.
- A bagai cicak makan kapur
 - B bagai kumbang putus tali
 - C bagai itik pulang petang
 - D bagai balak terendam
- 12 Siti Norhana dan Nurul Amirah _____ kerana sering bergaduh walaupun perkara itu kecil.
- A bagai ayam disambar helang
 - B bagai anjing dengan kucing
 - C bagai katak di bawah tempurung
 - D bagai melepaskan batuk di tangga
- 13 Kebanyakan penduduk Kampung Sungai Batu _____ kerana mereka mendapat bayaran pampasan yang tinggi daripada pihak kerajaan.
- A bagai bulan jatuh ke riba
 - B bagai kaca jatuh ke batu
 - C bagai duri dalam daging
 - D bagai ayam disambar helang
- 14 Puan Zainab _____ kerana lima ahli keluarganya telah maut dalam kemalangan itu.
- A bagai melepas anjing tersepit
 - B bagai dihiris dengan sembilu
 - C bagai ayam disambar helang
 - D bagai kaca jatuh ke batu
- 15 Oii Sik Lee dianggap _____ kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat setempat.
- A seperti lipas kudung
 - B seperti ayam berak kapur
 - C seperti bulan penuh purnama
 - D seperti kera sumbang

- 16 Setelah kematian ayah dan ibu, kehidupan Azira dan adik-adiknya _____
- A bagai mendukung biawak hidup
 - B bagai ayam mengeram telur
 - C bagai pahat dengan penukul
 - D bagai wau putus tali
- 17 Encik Badarudin _____ setelah menerima panggilan ugutan dan pesanan ringkas daripada seorang yang tidak dikenali.
- A bagai mencurah air ke daun keladi
 - B bagai menghitung bulu kambing
 - C bagai berumah di tepi pantai
 - D bagai anjing buruk kepala
- 18 Mak Timah hidup susah dan terbiar kerana tidak dipedulikan oleh anak-anak dan jiran tetangganya _____.
- A seperti rumput di tepi jalan
 - B seperti tikus jatuh keberas
 - C seperti mendukung biawah hidup
 - D seperti sudah jatuh ditimpa tangga
- 19 Jalan raya menuju ke Cameron Highlands agak curam dan bengkok-bengkok seperti _____.
- A bumi dengan langit
 - B aur ditarik songsang
 - C pinang dibelah dua
 - D ular kena palu
- 20 Setelah berjaya menjawat jawatan yang tinggi di bandar, Kumaresan telah melupakan ibu bapanya di kampung seperti _____
- A enau dalam belukar
 - B kacang lupakan kulit
 - C aur dengan tebing
 - D dakwat dengan kertas